


Langkah Berjaga-jaga Semasa Menunggang

3. Pusingkan bar hendal ke kiri sepenuhnya.
 - ▶ Jika bar hendal dipusing ke arah kanan ia akan menyebabkan kenderaan jatuh kerana kekurangan kestabilan.
4. Putarkan suis penghidup ke posisi  (Lock) dan keluarkan kunci. ➤ MS. 21

Menggunakan tongkat tengah

Turunkan tongkat tengah, berdiri di sebelah kiri kenderaan. Pegang cengkaman pemegang kiri dan pemegang belakang. Tekan ke bawah pada hujung tongkat tengah dengan kaki kanan anda dan pada masa yang sama, tarik ke atas dan ke belakang.



Pengisian dan Panduan Mengenai Minyak Petrol

Sila ikut garis panduan untuk melindungi enjin, sistem bahan api dan mengubah pemangkin:

- Hanya gunakan minyak petrol tanpa plumbum.
- Pastikan anda mengikuti nombor oktana yang disyorkan. Jika menggunakan minyak petrol yang lebih rendah oktana daripada yang disyorkan akan menjejaskan prestasi enjin.
- Jangan menggunakan minyak petrol yang mengandungi konsentration alkohol yang tinggi. ➤ MS. 103
- Jangan menggunakan minyak petrol lama atau kotor, ataupun bercampur dengan minyak lain.
- Elakkan tangki daripada termasuk habuk atau air.